

TALKING POINT
BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN
PADA 2 NOVEMBER 2011
DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia.

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Yang Berusaha Encik Zuber Bin Haji Mohamad, Pemangku Pendaftar UniMAP,

Yang Berusaha Puan Saodah Hassan, Bendahari UniMAP,

Yang Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir, Pustakawan Kanan UniMAP,

Yang Berusaha Penolong-Penolong Naib Canselor UniMAP,

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Seterusnya staf Universiti Malaysia Perlis yang saya kasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao, Magandang umaga (Tagalog), ahroonsawad (Bahasa Thai).

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat kita semua berkumpul pada pagi yang berbahagia ini sekaligus dapat mengeratkan lagi hubungan silaturrahim sesama kita.

Ladies and gentlemen,

On 26 and 27 October, UniMAP had organizes a program "Blue Ocean Strategy" involving top management, heads of departments and deans of UniMAP. This program aims to produce a number of resolutions including those relating to infrastructure development, producing quality graduates, new markets and ensure UniMAP continue to excel in the international arena.

In conjunction with this program also held the pre-launch of the 'Sedekad UniMAP'. Which we also launched our new song in conjunction UniMAP 10 years old next year the 'Sedekad Gemilang'. The song has been heard to you at aerobics last week.

Pada 26 dan 27 Oktober lalu, UniMAP telah mengadakan program "Strategi Lautan Biru" melibatkan Pengurusan Tertinggi, Ketua-ketua jabatan dan Dekan-dekan UniMAP. Program ini bertujuan untuk menghasilkan beberapa resolusi termasuk yang berkaitan dengan pembangunan infrastruktur, melahirkan graduan berkualiti, pasaran baru dan memastikan UniMAP terus menyerlah di arena antarabangsa. Sempena program ini juga turut diadakan majlis prapelancaran 'Sedekad UniMAP' dimana kita turut melancarkan lagu baru kita bersempena UniMAP berusia 10 tahun pada tahun hadapan iaitu 'Sedekad Gemilang'. Lagu tersebut telahpun diperdengarkan kepada anda pada senamrobik minggu lepas.

Hadirin sekalian,

Hari ini hari kedua kita melangkah ke bulan baru, tinggal sebulan lebih sahaja lagi kita akan melangkah ke tahun baru. Seperti yang kita sedia maklum, pelbagai pahit manis telah kita lalui sepanjang tahun ini.

Saya amat bersyukur kerana pada tahun ini banyak kejayaan yang kita kecapai sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Terbaru di International Trade Fair Ideas-Inventions-New Product (IENA 2011) kali ke-63 di Nuremberg, Jerman yang berlangsung pada 27 hingga 30 Oktober lalu.

Kejayaan ini sekaligus dapat menaikkan nama UniMAP di persada antarabangsa selaras dengan sasaran kita ke arah Keterlihatan Antarabangsa Yang Menyerlah.

Tahniah saya ucapkan kepada para pemenang yang telah berjaya mengharumkan nama UniMAP iaitu Ammar Zakaria melalui produk Automated Intelligent Fruit Grading Systems Using Bio-Inspired Sensing; Prof. Ali Yeon Md Shakaff (Enbirosense: A Nature Inspired Indoor Air Quality Monitoring System) dan Abu Hassan Abdullah menerusi produknya E-Hound For Volatile Chemical Detection yang memperoleh pingat emas. Manakala Prof Madya Abdul Hamid Adom dengan produk “Networked Control Systems For Intelligent Green Building (NETCOSYS)” memperoleh pingat perak.

Hadirin sekalian

Isnin lalu telah berlangsung majlis menandatangani MoU antara UniMAP dan IRU 1-Motorsports Sdn. Bhd serta majlis penghargaan pencapaian terbilang UniMAP. Penghargaan ini diberikan kepada penyelidik dan atlet yang telah berjaya mengharumkan nama UniMAP sepanjang tahun ini.

Tahniah saya ucapkan kepada semua penerima, saya secara peribadi amat berbangga dengan pencapaian yang telah anda perolehi sekaligus mengharumkan nama UniMAP di persada antarabangsa. Saya berharap lebih banyak kejayaan akan dapat dicapai pada masa akan datang.

MoU yang ditandatangani, akan melebarkan lagi kejayaan dalam arena permotoran. Syarikat IRU 1 – Motorsports Sdn. Bhd, yang merupakan sebahagian MOFAZ group, adalah peneroka bidang sukan bermotor, serta kejuruteraan automotif negara. Saya yakin kerjasama IRU 1 – Motorsports Sdn. Bhd, dengan UniMAP ini dapat membuka peluang menggunakan kepakaran kejuruteraan UniMAP bagi meningkatkan penguasaan teknologi industri automotif tempatan. Ini kerana pengalaman 30 tahun yang dimiliki IRU 1 pula akan memudahkan perkara ini dilaksanakan khususnya bagi kenderaan go-kart.

Insyallah, sekiranya kerjasama ini membuahkan hasil, sebuah litar go-kart akan dibina di Kampus Alam, Pauh Putra. Kemudahan ini memudahkan pelajar UniMAP menceburi bidang sukan permotoran, dan ia juga membuka peluang kepada penduduk Perlis mengenali serta mencuba sukan ini dengan lebih dekat lagi.

Hadirin sekalian

Hujung minggu ini kita akan menyambut Hari Raya Aidiladha, seperti biasa Pusat Islam UniMAP akan menganjurkan Majlis Ibadah korban seperti tahun-tahun sebelumnya.

Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha dan menyeru kepada seluruh warga UniMAP yang tidak

pulang ke kampung untuk turut serta bersama memeriahkan Majlis Ibadah Korban ini pada hari raya ketiga. Majlis ini berlangsung di Perkarangan Kampus Kubang Gajah. Sebelum mengakhiri ucapan, izinkan saya menyampaikan serangkap pantun:

Makan Berangan Di atas Jambatan
Ditegur Sapa Si Anak Nyonya
Ibadah Korban Bukti Ketaatan
Moga Mendapat Keberkatan DariNya

Sekian. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.